

Nik Aziz beri tiga bulan kaji bayaran petroleum

MalaysiaKini.com

5 Ogos, 2012

Oleh Ahmad Fadli KC

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menggesa kerajaan persekutuan memendekkan tempoh kajian jawatankuasa khas berhubung pembayaran hasil petroleum kepada negeri itu dari enam bulan kepada tiga bulan.

"Dia (perdana menteri) sebut dalam surat tempohnya enam bulan, sepatutnya tiga bulan. Kelantan berkehendak pada duit dia sendiri, bukan duit orang lain," katanya.

Menurutnya, bayaran itu hak rakyat Kelantan kerana telaga cari gali petroleum yang diusahakan Petronas sememangnya berada dalam kawasan pesisir pantai Kelantan.

"Kelantan yang paling dekat sekali (dengan) telaga pesisir pantai itu daripada negeri lain.

"Kalau negeri lain tak dapat, munasabah. Kalau kelantan tak dapat tak munasabah," katanya sewaktu ditemui di Shah Alam petang semalam.

Menurut Nik Aziz, kerajaan pusat sepatutnya mewujudkan jawatankuasa khas untuk mengkaji perkara itu sejak Kelantan mulla disekat daripada menerima royalti minyak.

"Sepatutnya masa dia hendak sekat dahulu dia buat jawatankuasanya kerana akta (berkenaan) dibuat dalam Parlimen masa zaman Tun Razak (sebagai PM) lagi," katanya merujuk kepada Seksyen 4 Akta Kemajuan Petroliaam 1974 yang dibuat pada 9 Mei 1975.

Peruntukan itu menetapkan Petronas perlu membayar wang tunai kepada kerajaan negeri secara tahunan sebanyak lima peratus dari pada nilai petroleum yang didapati dan diperoleh di Kelantan.

Exco negeri Kelantan, Datuk Husam Musa pula menggesa kerajaan pusat melangsaikan pembayaran itu sebelum pilihan raya umum akan datang untuk manfaat rakyat Kelantan.

"Kita berharap penentuan ini boleh dibuat sebelum pilihan raya. Jangan tunggu selepas pilihan raya nanti dia tak mahu bayar balik," kata Husam.

Mohon perkenan Sultan Kelantan

Sementara itu, Bernama melaporkan bahawa Nik Aziz akan menghadap Sultan Kelantan bagi mendapat perkenan berhubung penyertaan wakil kerajaan negeri ke dalam jawatankuasa khas yang diumumkan kerajaan pusat semalam.

Laporan itu menyebut, kerajaan Kelantan belum memutuskan mengenai penyertaan wakil daripada negeri itu ke dalam jawatankuasa itu.

"Saya sendiri akan menghadap Sultan Kelantan bagi mendapat perkenan baginda. Hanya pada masa itu akan diumumkan nama wakil bagi negeri Kelantan," katanya seperti dipetik laporan tersebut.

Kerajaan pusat semalam mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas untuk mengkaji bayaran tunai hasil petroleum kepada negeri-negeri di pantai timur semenanjung Malaysia dalam tempoh enam bulan ia ditubuhkan.

Jawatankuasa itu akan dipengerusikan mantan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad dan dianggotai pakar undang-undang dalam dan luar negara, wakil dari kerajaan negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu yang diperkenan sultan negeri masing-masing.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malysiakini.com/news/205485>